

Lambang dan asas cinta terhadap negara

BH 12 DEC 1987

KUALA LUMPUR, **Jumaat** — Datuk Seri Dr **Mahathir Mohamad** mahu semua rakyat mencintai bahasa Malaysia dan menjadikannya lambang kemegahan dan maruah bangsa serta negara.

Perdana Menteri menegaskan perasaan cinta terhadap Bahasa Kebangsaan sebagai asas kecintaan terhadap negara perlu dipupuk dan dikembangkan melalui amalan seharian kerana "amalanlah yang menjadi bukti perasaan cinta itu."

Katanya, rasa cinta yang bersifat peribadi itu memang tidak boleh dipaksa ke atas seseorang individu tetapi perasaan itu boleh dikembangkan apabila wujudnya persekitaran yang boleh merangsang perasaan itu.

Dalam hal ini, kecintaan terhadap bahasa kita juga boleh disemai menjadi mekar dan berkembang apabila kita berusaha dari dalam diri sendiri atau dengan bantuan pengaruh luar," tegasnya.

Berucap merasmikan Gerakan *Cintai Bahasa Kita* di sini hari ini, beliau bagaimanapun kesal kerana masih ada pihak, terutama di sektor swasta dan pengamal sesuatu bidang profesional, yang masih mendewakan bahasa Inggeris dan tidak memberi keutamaan atau mengabaikan terus penggunaan bahasa Malaysia.

"Kita tidak menafikan pentingnya bahasa Inggeris dalam kebanyakan urusan di sektor swasta, terutama di syarikat besar yang perlu berkomunikasi dengan dunia antarabangsa.

"Tentulah tidak adil dan munasabah jika kita memaksa syarikat berkenaan menggunakan bahasa Malaysia sewaktu berurusan dengan syarikat di Amerika Syarikat

● Lihat muka 2 ruang 9

Penggunaan di sektor awam belum mencapai tahap tinggi

BH 12 DEC 1987

Dari muka 1

kat, negara Arab, Jepun, India atau Republik Rakyat China. Tetapi apa yang kita persoalkan ialah kecenderungan ke arah penggunaan bahasa Inggeris secara besar-besaran, sehingga membelakangkan terus Bahasa Kebangsaan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata amalan menggunakan bahasa Malaysia untuk urusan yang mudah sahaja atau hanya untuk berkomunikasi dengan kerajaan semata-mata mesti dikikis kerana Bahasa Kebangsaan tidak mempunyai kekurangan untuk apa juga jurusan komunikasi.

Beliau juga kesal kerana penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi di sektor awam belum mencapai tahap paling tinggi yang dapat dibanggakan dan boleh diteladani oleh sektor pengguna yang lain.

"Perkara ini perlu mendapat perhatian segera kerana pedoman ejaan, peristilahan dan tatabahasa sudah dimantapkan dan tidak menjadi masalah besar bagi pegawai kerajaan menggunakannya," katanya.

Beliau juga meminta rakyat supaya tidak lagi mempersoalkan kedudukan bahasa Malaysia di sisi undang-undang atau mempertikaikan taraf bahasa lain sebagai bahasa ibunda kaum tertentu.

Menurut beliau, perkara itu bukan sahaja sudah diperuntukkan dalam undang-undang, tetapi dalam amalan pun tidak sesiapa dilarang mengguna, mempelajari, dan mengajar bahasa lain daripada bahasa Malaysia.

"Kerana itu proses memaju dan mengembangkan bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pendidikan di negara ini dilakukan tanpa menafikan kedudukan dan fungsi bahasa lain itu.

"Di kalangan negara membangun, amalan seperti ini sangat unik dibandingkan di negara maju pun sikap liberal seperti ini memang jarang dijumpakan.

"Segala-galanya sudah begitu jelas dan bahasa tidak akan dibenarkan lagi dijadikan isu politik, lebih-lebih lagi untuk dijadikan isu perkauman yang boleh menjejaskan kestabilan dan perpaduan negara," katanya.